

TERJEMAHAN HADIS DALAM KHUTBAH JUMAAT TERBITAN JAIS: KAJIAN KONSISTENSI METODE TERJEMAHAN

Saifulah Samsudin, Abdul Manan Yusof, Husni Abdullah, Hamid Mat Isa, Quratuljannati Adnin Mohd Rithuan

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

saifulah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Khutbah Jumaat adalah medium dakwah yang amat penting bagi umat Islam. Ia menjadi wasilah berkesan bagi menyampaikan mesej keagamaan kepada audien. Hadis sebagai sumber rujukan kedua sering menjadi tunjang asas kepada keutuhan hujahan dalam khutbah Jumaat. Penterjemahan yang baik bagi hadis yang terkandung dalam teks khutbah Jumaat amat perlu bagi memastikan bahasa komunikasi khatib efektif lantas berjaya menyampaikan intipati khutbah dengan baik. Kajian ini menyingkap isu konsistensi metod penterjemahan hadis yang terdapat dalam teks khutbah Jumaat terbitan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) pada tahun 2015. Fokus adalah kepada terjemahan sesuatu teks hadis yang sama tetapi diulang dalam khutbah yang lain sepanjang tahun 2015. Metod utama kajian adalah secara diskriptif dan komparitif. Berdasarkan analisis terhadap hasil terjemahan hadis korpus kajian ke dalam bahasa Melayu mendapati terdapat beberapa teks hadis yang sama tetapi mempunyai perbezaan terjemahan. Hal ini dipengaruhi oleh pemilihan terjemahan kosa kata yang berbeza bagi perkataan yang sama.

Kata kunci: *Terjemahan, Hadis, Khutbah Jumaat*

1. PENDAHULUAN

Khutbah dari segi bahasa bermaksud kata-kata yang disebarkan dan dihantar, atau keduanya, bertujuan untuk memberi pengaruh serta kesan dan meyakinkan pendengar. Oleh itu, khutbah Jumaat merupakan ucapan yang diberikan di atas mimbar pada hari Jumaat dengan tujuan membawa manusia ke arah kebaikan, menjahukan mereka dari perkara yang membawa kepada kejahatan, serta membawa hal realiti semasa selari dengan tuntutan syarak. Khutbah Jumaat adalah salah satu bahagian utama solat Jumaat bahkan ia merupakan syarat sah solat tersebut. Ia menjadi syarat sah bagi solat Jumaat dengan persepakatan para fuqaha yang menyatakan bahawa tidak sah solat Jumaat tersebut tanpanya (Soleh Abdullah 1998).

Khutbah Jumaat membawa peranan penting dalam kehidupan umat Islam. Ia memberi penjelasan dan pemahaman kepada masyarakat ketika berhadapan dengan isu dan polemik semasa. Khutbah Jumaat merupakan medan untuk menyampaikan mesej agama kepada umat Islam dan ia berperanan sebagai panduan agama terhadap permasalahan yang timbul dalam kehidupan masyarakat Islam (Rohaily@Abd Rahman, 2012). Penyampaian khutbah setiap solat Jumaat, hakikatnya tidak sekadar menyempurnakan rukun dan syarat solat saja. Malahan Islam menuntut agar maklumat, ilmu dan peringatan yang disampaikan ketika khatib berada di atas mimbar adalah benar-benar dapat memberi keinsafan serta membuka kepada minda serta perubahan jiwa para jemaah (Basri Ibrahim). Khutbah Jumaat turut berperanan dalam menjawab segala kekeliruan bilamana Islam dicabar dalam pelbagai aspek masalah semasa dan didapati timbul kurang penjelasan mengenainya. Lantaran itulah pentas mimbar Jumaat perlu dijadikan gelanggang yang dapat memberi nasihat, ilmu dan kefahaman kepada para jemaah.

Penterjemahan teks agama khususnya penterjemahan Arab-Melayu telah lama bermula sejak dari zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka lagi, iaitu sekitar tahun 1400H hingga

tahun 151H (Muhammad Fauzi Jumingan, 2003). Kegiatan penterjemahan ini mula menampakkan kesan ketika era pemerintahan kerajaan Islam Aceh di Sumatera. Dari situlah lahirnya tokoh-tokoh ilmuwan Melayu-Islam tersohor seperti Sheikh Daud Fatani, Hamzah Sumatera'I, dan Abd. Rauf al-Singkel. Mereka ini banyak menterjemahkan karya Islam dari bahasa Arab ke bahasa Melayu khususnya dalam bidang fikah, tasawuf, tauhid, dan nahu. Penterjemahan teks agama lebih menjurus pada kegiatan penterjemahan teks agama Arab-Melayu oleh kerana banyak karya atau kitab agama Islam dinukilkan dalam bahasa Arab. Hal ini sesuai dengan sumber ilmu Islam yang primer dan terunggul, iaitu al-Quran dan al-Hadis yang berteraskan bahasa Arab. Meskipun terdapat juga teks-teks lain seperti penterjemahan teks Inggeris-Melayu, namun ia agak kurang digunakan.

Tidak dinafikan kegiatan penterjemahan teks agama mempunyai kepentingan serta peranan yang besar. Ia amat diperlukan kerana masyarakat Malaysia rata-ratanya tidak tahu berbahasa Arab memerlukan maklumat dan ilmu pengetahuan seperti ini. Antara contoh yang paling ketara adalah keperluan terjemahan teks kudus seperti al-Quran dan al-Hadis. Di samping itu, melalui penterjemahan siri tokoh ilmuwan Arab-Melayu misalnya, pembaca dapat mengetahui bahawa sebilangan besar perintis saintifik moden juga terdiri daripada orang Islam. Antaranya Khawarizmi, Ibnu Sina, dan juga Ibnu Rushdi.

Selain itu, bahasa Melayu dapat diperkasakan melalui penterjemahan teks agama seperti buku-buku teks sains Islam kerana terdapat istilah-istilah penting dalam hal ehwal agama selain pembaca sasaran sendiri dapat meraih ilmu yang dicari. Usaha kegiatan penterjemahan teks agama ke dalam bahasa Melayu turut menjadi salah satu kepentingan utama di dalam industri berdasarkan faktor politik dan juga sosioekonomi. Oleh kerana kedudukan bahasa Melayu sepatutnya menjadi identiti negara Malaysia yang mana diiktiraf juga sebagai negara Islam, kejayaan ini pastinya akan lebih bermakna sekiranya kemajuan dan pembangunan Malaysia berdasarkan pada kekuatan bahasa Melayu. Antara kepentingan lain bagi penterjemahan teks agama adalah ia juga boleh dijadikan sebagai medium dakwah dengan cara memindahkan ilmu-ilmu yang baik dalam bahasa Arab ke bahasa Melayu (Mohd Hilmi, 2008).

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Donald J. Nababan menyatakan bahawa metode penterjemahan adalah cara tertentu yang dipilih dan dipercayai oleh si penterjemah untuk melaksanakan sebuah proses penterjemahan terhadap sebuah penugasan (Hurtado Albir 2002: 507) . Di dalam kajian tersebut, beliau turut mengatakan bahawa setiap pilihan metode ini bergantung dengan fungsi dan tujuan penterjemahan itu sendiri serta fokus terhadap pembaca sasaran. Beliau mengambil contoh dari satu fenomena yang dibawa oleh Molina (1998) bilamana beliau menganalisis tiga terjemahan dalam bahasa Arab dari sebuah teks sumber bahasa Inggeris yang berjudul *A Hundred Year of Solitude*. Melalui dapatannya, setiap terjemahan menerapkan metode terjemahan yang berbeza. Hal ini adalah kerana seperti bidang-bidang ilmu yang lain, bidang penterjemahan turut berkembang dan telah melahirkan teori dan kaedah ilmiahnya yang tersendiri (Dr Mohd Hilmi 2008). Oleh itu tidak hairanlah mengapa pembaca dapati terdapat pelbagai variasi terjemahan yang berbeza dari individu yang berlainan.

Konsisten menurut Kamus Dewan Edisi Keempat bermaksud terus berpegang pd pendirian dsb yg sama, tekal; 2. secocok, sesuai, sejajar, tidak bertentangan antara satu dgn lain; kekonsistenan keadaan yg konsisten, keselarasan. Oleh itu dalam erti kata yang lain,

konsisten dalam metode terjemahan bermaksud penterjemah menggunakan atau berpegang pada kaedah mahupun metode yang sama terhadap gaya penterjemahannya.

Konsisten dalam menggunakan metode terjemahan juga sebenarnya dinilai sebagai satu perkara penting dan perlu dititikberatkan dalam menjalankan aktiviti penterjemahan. Hal ini turut ditekankan di dalam sebuah kajian yang dikarang oleh Umi Hijriyah. Kajian beliau yang bertajuk: “Metode dan Penilaian Terjemahan” ada menyatakan bahawa setiap hasil terjemahan perlu dinilai. Beliau mengambil pendapat Larson mengenai keperluan dan juga tujuan menilai terjemahan adalah untuk menghasilkan terjemahan yang cermat. Oleh itu, salah satu teknik menilai terjemahan yang ditekankan oleh beliau adalah dengan menguji konsistensi tejemahan.

Duff (1981) menyatakan bahawa tiada suatu aturan utama mengenai bagaimana cara yang terbaik menyatakan ungkapan bahasa sumber. Namun ketidakkonsisten dalam terjemahan adalah suatu kelemahan yang perlu dihindari. Hal ini biasanya terjadi pada dokumen tertentu seperti politik, teknik, ekonomi, hukum, pendidikan, atau agama. Sebagai contoh dalam menterjemahkan frasa “source text” perlu dilakukan secara konsisten. Samaada “teks sasaran” ataupun “teks bahasa penerima”. Terserah kepada penterjemah samaada dia secara konsisten menggunakan “teks sasaran” atau “teks bahasa penerima”. Yang perlu diperiksa adalah kekonsistensi penterjemah menggunakan istilah itu.

Ketiadaan konsistensi metode dalam menterjemah sesuatu teks tertentu khususnya apabila teks yang sama diguna pakai untuk beberapa kali boleh menyebabkan hasil penterjemahan yang berbeza sekaligus berkemungkinan menghasilkan dua makna yang berbeza.

Kajian ringkas ini menyingkap konsistensi penggunaan metode penterjemahan beberapa teks hadis yang berulang dalam khutbah jumaat terbitan JAIS sepanjang tahun 2015. Kajian ingin menyingkap adakah terdapat teks hadis yang sama diguna pakai dalam teks khutbah Jumaat, tetapi diterjemah dengan metode yang berbeza lantaran menghasilkan makna yang berbeza.

3. OBJEKTIF KAJIAN

- 3.1 Mengenalpasti metode terjemahan yang digunakan dalam menterjemah hadis yang berulang di dalam khutbah Jumaat terbitan JAIS.
- 3.2 Mengenalpasti konsistensi metode penterjemahan yang digunakan dalam menterjemah hadis di dalam khutbah Jumaat terbitan JAIS.

4. METODE KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian analisis kandungan teks. Kaedah ini digunakan untuk menganalisis rekod ucapan, tulisan, dan item tingkah laku yang diperhatikan oleh penyelidik (Sunawari Long, 2005: 85). Teks yang dianalisis ialah terjemahan hadis yang terdapat dalam khutbah Jumaat terbitan JAIS 2015.

Kajian adalah difokuskan terhadap terjemahannya dalam bahasa Melayu. Kajian ini menerima pakai teknik analisis kandungan tidak ketara. Analisis kandungan tidak ketara merupakan satu teknik penyelidikan yang memerlukan penyelidik agar membaca, meneliti, dan mentafsirkan teks tersebut mengikut tema kajiannya. Dengan itu, teks-teks hadis diteliti satu persatu bagi mencari maklumat berkaitan untuk dianalisis.

Kajian menfokuskan kepada konsistensi penggunaan metode terjemahan bagi hadis yang berulang sepanjang 2015. Pendekatan perbandingan (*komparatif*) turut digunapakai dengan melihat sisi persamaan dan perbezaan yang terdapat pada setiap hasil terjemahan bagi teks hadis tersebut.

4.1 Metode Terjemahan Langsung dan Tidak Langsung

Penterjemahan langsung sangat mengutamakan bentuk teks asal. Pendekatan ini sangat sesuai dalam wacana sastera, perundangan agama dan teks kudus (Puteri Roslina Abdul Wahid, 2012: 46) terjemahan ini selari dengan idea bahawa penterjemahan seharusnya menyampaikan maksud yang sama dengan teks asal.

Penterjemahan tidak langsung pula menekankan keselesaan pembaca sesebuah karya terjemahan tidak menghadapi sebarang kesukaran semasa membaca teks terjemahan. Penterjemah adakalanya mentafsir bagi pihak pembaca. (Puteri Roslina Abdul Wahid, 2012: 54) Pendekatan ini melibatkan persamaan yang agak kurang.

Kajian ringkas ini akan menjadikan kedua-dua metode ini sebagai asas penilaian metode terjemahan korpus kajian. Penelitian dilakukan melalui sisi pemilihan kosakata serta laras bahasa yang digunapakai.

5. ANALISIS

Jumlah khutbah Jumaat sepanjang 2015 ialah sebanyak 52. Dari jumlah siri khutbah tersebut hanya sebanyak 8 khutbah sahaja tidak mengandungi hadis. Ini menunjukkan khutbah terbitan JAIS memberikan penekanan terhadap penggunaan hadis dalam mengukuhkan mesej yang ingin disampaikan. Jumlah keseluruhan hadis di dalam khutbah Jumaat adalah 110. Manakala hadis yang berulang penggunaannya berjumlah 10. Dalam kajian ini hanya sembilan sampel akan dianalisis kerana salah satu hadis yang diterjemah tidak dinyatakan matannya.

Analisis statistik ringkas berkaitan dengan khutbah Jumaat dan hadis terbitan JAIS tahun 2015

BIL	PERKARA	2015
1	Jumlah khutbah Jumaat	52
2	Jumlah khutbah tanpa hadis	8
3	Jumlah hadis di dalam khutbah Jumaat	110
4	Jumlah hadis beserta matan	69
5	Jumlah hadis tanpa matan	41
6	Jumlah hadis yang berulang	10

HADIS 1

TEKS	إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ	
TARIKH	6/3/2015	15/5/2015
KHUTBAH		
TERJEMAHAN	Hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: “Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan (manusia dengan) akhlak yang baik.” (Riwayat Al-Bukhari)	Hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Sesungguhnya aku diutuskan bagi menyempurnakan akhlak yang baik”. (Riwayat Ahmad).

Teks pertama menggunakan terjemahan langsung. Dari aspek pemilihan kosakata, teks sasar mengekalkan makna setiap kosa kata yang terdapat dalam teks sumber. Penambahan makna turut dilakukan seperti penambahan frasa “manusia dengan” selepas kata kerja **أَتَمِّمَ**, yang tidak terdapat secara literal dalam teks sumber. Dari aspek laras bahasa tidak berlaku sebarang perubahan struktur ayat.

Teks kedua juga menggunakan terjemahan langsung. Dari aspek pemilihan kosakata, teks sasar mengekalkan makna setiap kosa kata yang terdapat dalam teks sumber. Tidak berlaku sebarang penambahan makna bagi perkataan tidak terdapat secara literal dalam teks sumber. Dari aspek laras bahasa juga tidak berlaku sebarang perubahan struktur ayat.

Kesimpulannya penggunaan metode terjemahan bagi kedua-dua teks sasar adalah konsisten walaupun terdapat perbezaan dari aspek pemilihan kosa kata dalam teks sasar. Kedua-dua hasil terjemahan mengutamakan bentuk teks asal dan ia menyampaikan maksud yang sama dengannya.

Ibn Malik telah menghuraikan maksudperkataan **أَتَمِّمَ**: Agar Allah menyempurnakan akhlak mulia dan perbuatan baik hambanya dengan kewujudanku (Ali Al-Qari: 2002) berdasarkan huraian ini terjemahan kedua lebih menepati maksud hadis tersebut.

Penambahan dalam teks pertama membawa implikasi perbezaan makna terjemahan. Merujuk huraian para ulama hadis teks kedua lebih menepati makna yang dikehendaki oleh hadis tersebut.

HADIS 2

TEKS	الدُّعَاءُ مُخِّ الْعِبَادَةِ.
-------------	--------------------------------

TARIKH	15/8/2014	29/5/2015	14/8/2015
KHUTBAH			
TERJEMAHAN	Hadis daripada Anas RA. bahawa Rasulullah SAW. bersabda : “Doa adalah otak ibadah”. (Riwayat at-Tirmizi).	Hadis daripada Anas B. Malik RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Doa adalah otak kepada ibadah”. (Riwayat at-Tirmizi).	Hadis daripada Anas B. Malik RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Doa adalah otak kepada ibadah”. (Riwayat at-Tirmizi)

Ketiga-tiga teks terjemahan menggunakan Metod terjemahan langsung. Kesemua hasil terjemahan mengutamakan bentuk teks asal dan ia menyampaikan maksud yang sama dengannya.

Ini berdasarkan persamaan yang wujud antara ketiga-tiganya, samaada dari aspek pemilihan leksikal atau struktur ayat. Ketiga-tiganya mengekalkan makna setiap perkataan dalam hadis tersebut serta tiada perubahan struktur elemen ayat (subjek dan predikat).

Hanya terdapat perbezaan kecil pada teks pertama iaitu penambahan kata nama ‘kepada’ di antara kata nama **مخ** (otak) dan kata nama **العبادة** (ibadah). Penambahan ini tidak memberikan impak yang besar dari sudut perbezaan makna.

Berdasarkan pemerhatian di atas, metod terjemahan bagi ketiga-tiga hasil terjemahan hadis ini adalah konsisten. Kesemua hasil terjemahan mengutamakan bentuk teks asal dan ia menyampaikan maksud yang sama dengannya. Namun dari aspek pemilihan kosakata terdapat non konsistensi di mana pada sebahagian hasil terjemahan berlaku penambahan khususnya dalam teks ketiga, namun ciri tidak membawa implikasi perbezaan makna terjemahan yang ketara.

HADIS 3

TEKS	مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ، وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ.		
TARIKH	22/8/2015	27/3/2015	
KHUTBAH			
TERJEMAHAN	Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud : “Sesiapa di	Hadis daripada Abu Sa’id al-Khudri RA bahawa Rasulullah SAW	

	kalangan kamu yang melihat sesuatu kemungkaran maka hendaklah dia mencegah dengan tangannya, jika dia tidak mampu maka cegahlah dengan lisannya dan jika tidak mampu juga maka cegahlah dengan hatinya, yang demikian itu adalah selemah-lemah iman.”(Riwayat Muslim).	bersabda: “Barangsiapa antara kamu melihat suatu kemungkaran, maka hendaklah ia menegahannya dengan tangannya, sekiranya ia tidak mampu maka (tegahlah) ia dengan lidahnya, sekiranya ia tidak mampu maka (tegahlah) ia dengan hatinya, dan itulah selemah-lemah iman”. (Riwayat Muslim).
--	--	---

Teks terjemahan pertama dan kedua menggunakan metode terjemahan langsung.

Dari aspek pemilihan kosakata, teks sasar mengekalkan makna setiap kosa kata yang terdapat dalam teks sumber. Penambahan makna turut dilakukan seperti penambahan “ingin menjadi” yang tidak terdapat secara literal dalam teks sumber. Dari aspek laras bahasa tidak berlaku sebarang perubahan struktur ayat.

Teks kedua juga menggunakan terjemahan langsung. Dari aspek pemilihan kosakata, teks sasar mengekalkan makna setiap kosa kata yang terdapat dalam teks sumber. Penambahan makna turut dilakukan seperti penambahan “ingin menjadi” yang tidak terdapat secara literal dalam teks sumber. Dari aspek laras bahasa tidak berlaku sebarang perubahan struktur ayat.

Kedua-dua teks terjemahan mempunyai persamaan ketara samaada dari aspek pemilihan beberapa leksikal atau struktur ayat.

Terdapat perbezaan antara kedua-duanya dari aspek pemilihan terjemahan perkataan seperti berikut:

PERKATAAN	TEKS 1	TEKS 2
من	Sesiapa	Barangsiapa
منكم	Antara	Di kalangan
	Sesuatu	Suatu
	Dia	Ia
إن	Jika	Sekira

يغير	Mencegah	Menegah
لسان	Lisan	Lidah
وذلك	Yang demikian	Dan itulah

Walaupun terdapat perbezaan dari aspek pemilihan kosa kata dalam kedua-dua teks sasar, namun perbezaan ini bukanlah perbezaan makna yang terlalu ketara. Berdasarkan pemerhatian di atas dapat di simpulkan bahawa penggunaan metod terjemahan langsung bagi teks terjemahan hadis ini adalah konsisten.

HADIS 4

TEKS	أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً، إِذَا صَلَحَتْ، صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ، فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ.	
TARIKH	17/4/2015	1/5/2015
KHUTBAH		
TERJEMAHAN	Hadis daripada Nu'man Bin Basyir R.A bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: "Ketahuilah, sesungguhnya pada sesebuah jasad itu ada seketul daging, jika baik ketulan daging tersebut, maka baiklah keseluruhannya dan jika rosak ketulan daging tersebut maka rosaklah keseluruhannya, ketahuilah ia adalah hati."(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).	Hadis daripada Abi 'Abdillah al-Nu'man Ibn Basyir RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya dalam tubuh anak adam ada seketul daging. Jika baik daging itu maka baiklah seluruh anggota badan. Sebaliknya jika rosak daging itu, rosaklah seluruh anggota badan. ketahuilah bahawa daging itu ialah hati." (Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Kedua-dua teks terjemahan menggunakan Metod terjemahan langsung di mana teks terjemahan mempunyai persamaan ketara samaada dari aspek pemilihan beberapa kosakata atau struktur ayat. Ini menunjukkan kecenderungan terjemahan kepada pengekalan struktur teks sebagaimana yang terdapat dalam teks sumber. Kedua-dua teks turut mengekalkan makna yang terdapat dalam teks sumber.

Terdapat perbezaan antara kedua-duanya dari aspek pemilihan terjemahan perkataan seperti berikut:

PERKATAAN	TEKS 1	TEKS 2
ألا	Ketahuilah	Tidak diterjemahkan
جسد	Jasad	Tubuh
مضغة	Ketulan daging	Daging
الجسد كله	Keseluruhannya	Seluruh anggota badan
وهي	Ia	Daging itu

Namun perbezaan ini bukanlah perbezaan makna yang terlalu ketara. Berdasarkan pemerhatian di atas dapat di simpulkan bahawa metod terjemahan langsung bagi hadis ini adalah konsisten.

HADIS 5

TEKS	لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ لَحْمٌ نَبَتَ مِنْ سُحْتٍ، النَّارُ أَوْلَىٰ بِهِ.	
TARIKH	1/5/2015	4/9/2015
KHUTBAH		
TERJEMAHAN	Hadis daripada Jabir bin Abdullah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda : “Tidak masuk syurga setiap daging yang tumbuh dari hasil yang haram, maka nerakalah tempat yang paling layak untuknya.” (Riwayat Imam Ahmad).	Hadis daripada Jabir Bin Abdullah RA bahawa Nabi SAW bersabda; “Tidak masuk syurga orang yang daging tubuh badannya tumbuh daripada bahan makanan yang haram, maka api nerakalah yang layak baginya”. (Riwayat Ahmad).

Kedua-dua teks terjemahan menggunakan Metode terjemahan langsung. Dari aspek pemilihan beberapa kosa kata dan struktur ayat kedua-dua teks mengisyaratkan teks terjemahan cenderung kepada pengekalan struktur teks sebagaimana yang terdapat dalam teks sumber. Kedua-dua teks turut mengekalkan makna yang terdapat dalam teks sumber. Namun kedua-dua teks turut menggunakan pendekatan penambahan makna seperti berikut:

PERKATAAN	TEKS 1	TEKS 2
لحم	Setiap daging	Orang yang daging tubuh badannya
من سحت	tumbuh dari (hasil) yang haram	tumbuh daripada (bahan makanan) yang haram

Dari aspek struktur ayat pula kedua-duanya mengekalkan struktur *jumlah fi'liyyah* ke dalam bahasa sasar tanpa modifikasi menurut kaedah tatabahasa Melayu. Penterjemahan *jumlah fi'liyyah* memerlukan *Fa'il* ditukarkan kepada subjek (*mubtada'*) setelah diterjemahkan ke bahasa Melayu (Mohd Hilmi Abdullah, 2008: 66)

HADIS 6

TEKS	<p>كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدَ النَّاسِ وَكَانَ أَجْوَدَ مَا يَكُونُ فِي رَمَضَانَ حِينَ يَلْقَاهُ جِبْرِيلُ وَكَانَ يَلْقَاهُ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ فَيُدَارِسُهُ الْقُرْآنَ فَلَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدُ بِالْخَيْرِ مِنَ الرِّيحِ الْمُرْسَلَةِ.</p>	
TARIKH KHUTBAH	2/6/2015	3/7/2015
TERJEMAHAN	Hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari: “Rasulullah SAW ialah orang yang paling dermawan. Dan Baginda lebih dermawan lagi pada bulan Ramadhan pada saat Baginda bertemu Jibril. Jibril menemuinya setiap malam untuk bertadarus Al-Quran. Dan kedermawanan Rasulullah SAW melebihi angin yang berhembus.”	Hadis daripada Ibnu Abbas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Nabi adalah orang yang amat dermawan, dan beliau lebih dermawan pada bulan Ramadhan, saat beliau ditemui Jibril untuk membacakan padanya AlQuran dan Jibril menemui beliau setiap malam pada bulan Ramadhan, lalu membacakan padanya Al-Quran. Rasulullah ketika ditemui Jibril lebih dermawan daripada angin yang berhembus”. (Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Teks pertama menggunakan terjemahan langsung. Dari aspek pemilihan kosakata, teks sasar mengekalkan makna setiap kosa kata yang terdapat dalam teks sumber. Penambahan makna turut dilakukan seperti penambahan “ingin menjadi” yang tidak terdapat secara literal dalam teks sumber. Dari aspek laras bahasa tidak berlaku sebarang perubahan struktur ayat.

Teks kedua juga menggunakan terjemahan langsung. Dari aspek pemilihan kosakata, teks sasar mengekalkan makna setiap kosa kata yang terdapat dalam teks sumber. Penambahan makna turut dilakukan seperti penambahan “ingin menjadi” yang tidak terdapat secara literal dalam teks sumber. Dari aspek laras bahasa tidak berlaku sebarang perubahan struktur ayat.

Kedua-dua teks terjemahan juga mengekalkan metode terjemahan langsung dalam menterjemahkan frasa figuratif أجود بالخير من الريح المرسلة.

Kesimpulannya, penggunaan metode terjemahan langsung bagi kedua-dua teks sasar adalah konsisten, walaupun terdapat perbezaan dari aspek pemilihan kosa kata dalam teks sasar.

HADIS 7

TEKS	أفلا أكون عبداً شكوراً	
TARIKH	20/11/2015	25/12/2015
KHUTBAH		
TERJEMAHAN	“Salahkah sekiranya aku ingin menjadi hamba yang bersyukur”. (Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim).	“Salahkah Aku menjadi seorang hamba yang bersyukur?!” (Riwayat Muslim).

Kedua-dua teks terjemahan menggunakan metod terjemahan langsung kerana mengutamakan bentuk teks asal dan menyampaikan maksud yang sama dengannya.

Ini berdasarkan persamaan yang wujud antara kedua-duanya dengan teks sumber, samaada dari aspek pemilihan kosakata atau struktur ayat. Kedua-duanya mengekalkan makna setiap perkataan dalam hadis tersebut serta tiada perubahan struktur elemen ayat. Hanya terdapat perbezaan kecil pada teks pertama iaitu penambahan kata nama ‘sekiranya’ di antara kata nama ‘salahkah’ dan kata ganti nama ‘aku’. Penambahan ini tidak memberikan impak yang besar dari sudut perbezaan makna.

Kesimpulannya, penggunaan metode terjemahan langsung bagi kedua-dua teks sasar adalah konsisten. Kesemua hasil terjemahan mengutamakan bentuk teks asal dan ia menyampaikan maksud yang sama dengannya. Namun dari aspek pemilihan kosakata terdapat non konsistensi di mana pada sebahagian hasil terjemahan berlaku penambahan khususnya

dalam teks pertama, namun ciri tidak membawa implikasi perbezaan makna terjemahan yang ketara.

HADIS 8

TEKS	مَنْ قَرَأَ حَرْفًا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ بِهِ حَسَنَةٌ. وَالْحَسَنَةُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا. لَا أَقُولُ الْم حَرْفٌ. وَلَكِنَّ أَلِفٌ حَرْفٌ وَلَامٌ حَرْفٌ وَمِيمٌ حَرْفٌ.	
TARIKH	26/6/2015	10/7/2015
KHUTBAH		
TERJEMAHAN	Hadis daripada Abdullah Bin Mas'ud RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Sesiapa yang membaca satu huruf dari kitab Allah, maka ia akan mendapat satu kebaikan. Kebaikan itu sendiri akan berlipat ganda menjadi sepuluh. Tidak aku katakan alif, lam, mim itu satu huruf, tetapi alif satu huruf, lam itu satu huruf dan mim satu huruf". (Riwayat at-Tirmizi).	Hadis daripada Ibnu Mas'ud RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa yang membaca satu huruf daripada kitab Allah, maka baginya satu hasanah (kebaikan). Dan satu hasanah itu sama dengan sepuluh kali ganda. Aku tidak mengatakan alif lam mim itu satu huruf. Tetapi alif satu huruf, lam satu huruf dan mim satu huruf". (Hadis Riwayat At-Tirmidzi)

Kedua-dua teks terjemahan menggunakan metod terjemahan langsung kerana mengutamakan bentuk teks asal dan menyampaikan maksud yang sama dengannya.

Ini berdasarkan persamaan yang wujud antara kedua-duanya dengan teks sumber, samaada dari aspek pemilihan kosakata atau struktur ayat. Kedua-duanya mengekalkan makna setiap perkataan dalam hadis tersebut serta tiada perubahan struktur elemen ayat. Hanya terdapat perbezaan kecil pada teks kedua iaitu penggunaan teknik peminjaman fonologi (*phonological borrowing*) pada perkataan الحسنة di mana terjemahan dikekalkan dengan bentuk fonologi teks sumber. Perbezaan ini tidak memberikan impak yang besar dari sudut makna. Dari struktur ayat penterjemahan teks kedua bagi ayat لَا أَقُولُ الْم حَرْفٌ lebih menepati tatacara penterjemahan *jumlah fi'liyyah* dengan menukarkan *fa'il* kepada subjek (*muftada'*) berbanding teks terjemahan yang pertama yang mengekalkan struktur *jumlah fi'liyyah* tersebut dalam bahasa sasar.

Kesimpulannya, penggunaan metode terjemahan langsung bagi kedua-dua teks sasar adalah konsisten. Kesemua teks terjemahan mengutamakan bentuk teks asal dan ia menyampaikan maksud yang sama dengannya. Namun dari aspek pemilihan kosakata terdapat non

konsistensi di mana pada sebahagian hasil terjemahan berlaku penambahan khususnya dalam teks kedua.

HADIS 9

TEKS	نِعْمَتَانِ مَغْبُونٌ فِيهِمَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ الصِّحَّةُ وَالْفَرَاغُ.	
TARIKH	20/11/2015	11/12/2015
TERJEMAHAN		
TERJEMAHAN	Hadis daripada Ibnu Abbas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Dua nikmat yang banyak dilupakan oleh manusia, iaitu nikmat sihat dan waktu lapang”.(Riwayat al-Bukhari).	Hadis daripada Ibnu Abbas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Dua nikmat yang sering memperdaya manusia; Kesihatan dan kelapangan masa”. (Riwayat Imam Bukhari)

Kedua-dua teks terjemahan menggunakan metod terjemahan langsung kerana mengutamakan bentuk teks asal dan menyampaikan maksud yang sama dengannya.

Ini berdasarkan persamaan yang wujud antara kedua-duanya dengan teks sumber, samaada dari aspek pemilihan kosakata atau struktur ayat. Kedua-duanya mengekalkan makna setiap perkataan dalam hadis tersebut serta tiada perubahan struktur elemen ayat. Namun, kedua-dua teks terjemahan menggunakan pendekatan terjemahan tidak langsung dalam menterjemahkan perkataan مغبون. Menurut *al-Mubarak furi* (2001) perkataan مغبون bermaksud orang yang rugi dalam perniagaan, di mana perkataan ini di ambil daripada perkataan الغبن iaitu kerugian dalam perniagaan. Ia menggambarkan situasi manusia yang tidak mengetahui hakikat kedua-dua nikmat ini kerana mereka tidak berusaha untuk beramal secukupnya untuk hari akhirat lantas mereka menyesali atas kehilangan umur mereka sedangkan penyesalan sudah tidak berguna. Namun kedua-dua teks menterjemahkannya dengan “dilupakan” dan “memperdaya”.

Kesimpulannya, penggunaan metode terjemahan langsung bagi kedua-dua teks sasar adalah konsisten. Kesemua hasil terjemahan mengutamakan bentuk teks asal dan ia menyampaikan maksud yang sama dengannya. Namun dari aspek pemilihan kosakata terdapat non konsistensi pada kedua-duanya di mana perkataan diterjemah secara *maknawi* (tidak langsung).

6. KESIMPULAN

Terdapat sejumlah 10 hadis yang berulang dalam teks khutbah jumaat JAIS sepanjang 2015 namun kajian ini hanya menumpukan kepada sembilan buah hadis sahaja kerana terdapat sebuah hadis yang tidak dinyatakan *matannya*.

Kajian ini menunjukkan bahawa Metode terjemahan setiap sampel ialah metode terjemahan Secara Langsung. Keseluruhan hasil terjemahan bagi kesemua (9) hadis yang berulang mengutamakan bentuk teks asal dan ia menyampaikan maksud yang sama dengannya. Ciri ini merupakan ciri kebiasaan yang diguna pakai oleh penterjemah bagi teks kudus atau teks keagamaan.

Dari aspek konsistensi penggunaan metode terjemahan langsung, kajian mendapati setiap hasil terjemahan bagi satu-satu teks hadis konsisten menggunakan metode ini. Walaupun kesemua teks terjemahan menggunakan metode yang sama namun ia menunjukkan perbezaan hasil penterjemahan khususnya dari aspek pemilihan kosa kata.

7. SARANAN

Kajian ini menyarankan perkara-perkara berikut:

7.1 Keperluan menjalankan kajian lain bagi menyingkap isu ketepatan terjemahan lantas dapat membuat penentuan teks terjemahan yang paling menepati maksud teks sumber.

7.2 Keperluan merujuk kepada satu sumber terjemahan yang baik dan berautoriti bagi meminimalkan kesilapan dalam terjemahan teks hadis yang digunapakai dalam khutbah Jumaat.

8. RUJUKAN

- Ahmad Sunawari Long. 2005. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Jabatan Usuluddin dan Falsafah. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Basri bin Ibrahim Al-Azhari, *Khutbah Jumaat Yang Berjaya & Contoh Contohnya*, Al-Hidayah House of Publisher Sdn Bhd
- Donald J. Nababan, 2007, *Metode, Strategi, dan Teknik Penerjemahan: Sebuah Tinjauan Mendalam*, Kongres Linguistik Nasional XII Sukarta.
- Duff, Alan, 1981, *The Third Language: Recurrent Problems of Translation into English*. England: Pergamon Press.
- Hurtado Albir, A. 1999. *Enseñar a traducir*, Madrid: Edelsa.
- Kamus Dewan*. Edisi keempat. 2007. Cet.2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Larson Mildred A, 1984, *Meaning-based Translation*. Lanham: University Press of America
- Mohd Hilmi bin Abdullah, 2008, *Teori & Kaedah Penterjemahan Arab-Melayu*, Pustaka Hilmi.
- Molina L., 1998. *El tratamiento de los elementos culturales en las traducciones al árabe de "Cien años de soledad"*, Dissertation, Universitat Autònoma de Barcelona.
- al-Mubarakfuriy, Muhammad ‘Abd al-Rahman bin ‘Abd al-Rahim. 2001. *Tuhfat al-Ahwazi bi Syarh Jami’ al-Tirmiziy*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyat.
- Muhammad Fauzi Jumingan, 2003, *Penterjemahan Teks Agama Memperkasa Bahasa Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noresah Baharom, 2007, *Kamus Dewan*. (4th ed.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Puteri Roslina Abdul Wahid, 2012, *Meneroka Penterjemahan Bahasa Melayu*, Penerbit Universiti Malaya.
- Al-Qari , Ali Bin Sultan Muhammad, 2002, *Mirqat Al-Mafatih Syarh Misykat Al-Masabih*, Dar Al-Fikr

- Rohaily @ Abd Rahman Bin Abd Hamid, 2012, *Teks Khutbah Jumaat Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi): Kajian Tentang Metode Dan Cabaran Penyediaannya*, Universiti Malaya.
- Soleh bin Abdullah, 1998, *Manhaj fī I'dād Khutbah al-Jum'ah*, al-Mamlakah al-Arabiah al-Saudiah.
- Umi Hijriyah, 2012, *Metode Dan Penilaian Terjemahan*, Al-Bayan Jurnal PBA Raden Intan Lampung.